



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

**MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 2 2022**  
**TINGKATAN LIMA**  
**PENDIDIKAN ISLAM**

**1223/1**

**Kertas 1**

2 jam 30 minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. **Kertas jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi **5** halaman bercetak.

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

﴿أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْظَمَ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ﴾

(Surah Al-Taubah : ayat 19-20 )

Ayat di atas menerangkan tentang pentingnya memahami keutamaan dalam tindakan. Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud fikah al-awlawiyyat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara mengaplikasikan konsep fikah al-awlawiyyat dalam bidang ilmu dan pemikiran. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat di atas. [4 markah]

(b) Keluarkan hukum tajwid bagi potongan ayat yang bergaris di bawah:

- (i) مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِءُونَ [1 markah]
- (ii) وَلَا الضَّالِّينَ [1 markah]

(c) Sabda Rasulullah SAW:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

رواية البخاري

Hadis di atas menjelaskan bahawa setiap individu mempunyai tanggungjawab masing-masing.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan pengertian kalimah yang bergaris. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab الخَادِمُ. [2 markah]

Setiap orang ialah pemimpin.

- (iii) Huraikan hujah anda bagaimana seorang pelajar dapat menzahirkan sifat kepimpinan di sekolah. [4 markah]


2 (a) Al-Raqib merupakan salah satu daripada Asmaul Husna.

(i) Apakah maksud al-Raqib?

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Raqib.

[4 markah]



(iii) Terangkan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas dengan mengaitkannya dalam konteks keimanan terhadap nama Allah SWT al-Raqib.

[4 markah]

(b) Umat Islam di Malaysia hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah.

(i) Nyatakan pengertian Ahli Sunah Wal Jamaah.

[2 markah]

(ii) Senaraikan **dua** nama lain bagi Ahli Sunah Wal Jamaah.

[2 markah]

(iii) Jelaskan **dua** prinsip akidah Ahli Sunah Wal Jamaah.

[2 markah]

(iv) Terangkan **dua** kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah.

[4 markah]

SULIT

1223/1

- 3 (a) (i) Nyatakan maksud perkahwinan dalam Islam? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** syarat saksi dalam rukun nikah. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** tanggungjawab suami isteri dari segi ibadah. [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud akikah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara akikah dan korban dari aspek :  
 a) Masa pelaksanaan.  
 b) Pembahagian daging. [4 markah]



- (iii) Pelaksanaan akikah di luar negara melalui pakej menjadi pilihan sebahagian masyarakat sekarang. Beri pandangan anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]
- 4 (a) Kawasan pemerintahan kerajaan Uthmaniyah meliputi sebahagian besar benua Asia, Eropah dan Afrika.
- (i) Senaraikan **dua** pemerintah yang terkenal pada zaman Uthmaniyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dari aspek sosial. [4 markah]
- Kewibawaan pemimpin kerajaan Uthmaniyah menjadi penyumbang kepada kegemilangan kerajaan Islam.
- (iii) Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya pemimpin tidak memiliki ciri di atas. [4 markah]
- (b) Imam empat mazhab merupakan tokoh yang terkenal dalam sejarah Islam.
- (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup sama ada tokoh (a) atau (b).  
 a) Imam Abu Hanifah  
 b) Imam Ahmad bin Hanbal [3 markah]
- (ii) Senaraikan **tiga** sumbangan Imam Malik dalam sejarah Islam. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** iktibar daripada kesungguhan Imam as-Syafii dalam menuntut ilmu. [4 markah]

- 5 (a) Agama Islam menggalakkan umatnya supaya sentiasa beradab kepada orang sakit dan kurang upaya.
- (i) Nyatakan **dua** adab menjaga orang sakit dari aspek ibadah. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan adab menjaga orang sakit dari aspek fizikal. [2 markah]
  - (iii) Jelaskan implikasi mengabaikan adab menjaga orang sakit dari aspek emosi. [2 markah]
  - (iv) Terangkan **dua** hikmah beradab kepada orang sakit. [4 markah]
- (b) Sifat tawaduk merupakan sifat yang terpuji.
- (i) Nyatakan maksud tawaduk. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan contoh sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [2 markah]
  - (iii) Jelaskan **dua** cara bersikap tawaduk ketika bergaul dengan rakan di sekolah. [2 markah]
- “Sifat tawaduk punca ilmu berkat”
- (iv) Huraikan pendapat anda tentang perkara di atas. [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**